



NOTA BUDI DIESEL

1. BUDI INDIVIDU

- Bantuan subsidi tunai disediakan kepada pemilik kenderaan diesel individu.
- Bantuan disalurkan secara tunai setiap bulan pada kadar RM200.
- Mulai Mac 2026, kadar bantuan tunai dinaikkan RM100 secara interim menjadikan jumlah keseluruhan RM300.
- Pembayaran akan dikreditkan ke akaun yang berdaftar dalam sistem BUDI Individu atau secara tunai di mana-mana Cawangan BSN sekiranya tiada akaun bank.

Syarat Kelayakan:

- Warganegara Malaysia.
- Pendapatan tahunan individu atau pasangan RM100 ribu dan ke bawah.
- Mohon melalui portal rasmi budidiesel.gov.my.

Syarat Pemilikan Kenderaan:

- Kenderaan kegunaan persendirian (diesel) individu.
- Lesen Kenderaan Motor (Cukai Jalan) aktif.
- Kenderaan diesel diisytiharkan di Semenanjung Malaysia.
- Berdaftar di JPJ menggunakan nombor MyKad.

2. BUDI AGRI-KOMODITI

- Bantuan subsidi tunai disediakan kepada golongan petani, penternak dan pekebun kecil yang berdaftar dengan Kementerian terlibat.
- Bantuan disalurkan secara tunai setiap bulan pada kadar RM200.
- Sejak Mac 2026, kadar bantuan tunai turut dinaikkan RM100 secara interim menjadikan jumlah keseluruhan RM300.

Syarat Kelayakan:

Petani Kecil

- Warganegara Malaysia.
- Individu/ Pertubuhan yang berdaftar dengan KPKM melalui sistem pendaftaran GeoAgro ataupun telah berdaftar dengan agensi berkaitan iaitu:
 - Sektor tanaman dengan Jabatan Pertanian Malaysia (tidak termasuk pesawah padi).
 - Sektor ternakan dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
 - Sektor akuakultur dengan Jabatan Perikanan Malaysia (tidak termasuk nelayan).
- Individu/Pertubuhan yang merupakan pengusaha pertanian berskala kecil yang memiliki dan mengusahakan hasil pertanian makanan dan menghasilkan pengeluaran secara aktif dan berterusan. Pengusaha pertanian kecil aktif ditakrifkan yang menjana nilai jualan hasil pertanian tahunan dari RM50,000 hingga RM300,000.

Pekebun Kecil

- Warganegara Malaysia.
- Individu perlu berdaftar dengan agensi di bawah Kementerian Perladangan & Komoditi, seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi pekebun kecil persendirian, Lembaga Getah Malaysia (LGM) Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara, Lembaga Lada Malaysia.
- Pekebun kecil melibatkan keluasan tanah yang dimiliki dan diusahakan mengikut sektor komoditi /jenis tanaman seperti berikut:
 - Pekebun kecil Sawit persendirian: keluasan 4.5 hektar ke bawah
 - Pekebun kecil Getah persendirian: keluasan 4.5 hektar ke bawah
 - Pekebun kecil Koko, Lada dan Kenaf persendirian: keluasan 2.5 hektar ke bawah
 - Individu yang merupakan pekebun kecil yang memiliki dan menghasilkan pengeluaran secara aktif dan berterusan. Pekebun kecil aktif ditakrifkan yang menjana nilai jualan hasil perladangan tahunan dari RM50,000 hingga RM300,000.